

# Penduduk Langkawi ucap terima kasih kepada PM

UM 6 APR 2002

**L**ANGKAWI 5 April — Lebih 10,000 rakyat Langkawi menghadiri **rapat** raksasa di **Dewan Mahsuri, Padang Mat Sirat** bagi menyatakan rasa terima kasih kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Hujan lebat sejak lewat petang tidak **menghalang** penduduk pulau **ini** untuk **bersama-sama menyatakan** penghargaan dan terima kasih **kepada Perdana Menteri** yang **berjaya memacu** kemajuan negara.

Malah, **ada** antaranya mula berada di situ sejak pukul 6.30 petang **lagi bagi menjayakan** Majlis **Malam Terima Kasih Perdana Menteri**.

Dr. Mahathir yang tiba **pada** pukul 9.30 **malam** disambut dengan tepukan gemuruh oleh **para** hadirin.

Majlis anjuran **Barisan Nasional Langkawi** itu **dimulakan** dengan paluan kompang dan muzik tradisional India serta **tarian naga**.

Ia diikuti dengan bacaan puisi *Orang Langkawi Tak Mudah Lupa* dan *Cinta Langkawi* oleh Jamaludin D dan Noraini Harun.

**Pada** satu ketika **para** hadirin melaungkan 'terima kasih **Perdana Menteri**' sebanyak tiga kali berturut-turut sambil mengibarkan **bendera** Kedah dan Malaysia.

Semasa berucap **pada** majlis itu, Dr. Mahathir berkata, **tanpa** sokongan rakyat **berbilang kaum** yang cintakan keamanan **amat**

sukar negara untuk mencapai kemajuan **seperti** yang dinikmati sekarang.

"**Tanpa** sokongan rakyat, mustahil **kerajaan** dapat memajukan negara **dan** usaha **majukan** negara menjadi lebih **mudah** kerana rakyat suka **hidup aman** damai.

"Kalau **ada** kepimpinan politik yang baik, pegawai dan kakitangan kerajaan yang baik tetapi **tanpa** peniaga yang cekap, mustahil **juga kita** dapat bangunkan negara **ini**," **katanya**.

Dr. Mahathir berkata, negara dapat **dima-**jukan kerana semua **pihak** itu memberikan kerjasama kepada, **kerajaan** dan tidak **menimbulkan banyak** masalah.

Beliau **juga** mengucapkan terima kasih **kepada menteri-menteri**, menteri besar dan ketua menteri, **exco**, anggota **dewan undangan negeri (ADUN)**, anggota Parlimen dan senator.

"Apabila **ucap** terima kasih kepada **Perdana Menteri**, **ia** bermakna ucapan itu **diberikan juga** kepada menteri-menteri, menteri besar, **exco**, **ADUN**, anggota Parlimen **dan** senator kerana **saya** adalah ketua kepada mereka," **katanya**.

Mengenai dirinya, Dr. Mahathir berkata, **tanpa** sokongan rakyat, mustahil beliau **dapat** dipilih menjadi wakil rakyat, Menteri Pendidikan, Timbalan **Perdana Menteri** dan **Perdana Menteri**.